

# Jalan Bukit Bintang ditutup

KUALA LUMPUR 29 Jun - Pengurusan semula trafik akan dilaksanakan di Jalan Bukit Bintang selama sebulan bermula Isnin depan untuk memberi laluan kepada kerja-kerja pembinaan projek My Rapid Transit (MRT).

Menurut kenyataan akhbar kontraktor projek, MMC-Gamuda, kerja-kerja yang akan dijalankan ialah pada waktu malam dan memerlukan satu lorong Jalan Bukit Bintang ditutup antara pukul 11 malam hingga 5 pagi setiap hari, kecuali pada hujung minggu dan cuti umum.

Kerja-kerja juga akan dilakukan di laluan pejalan kaki sepanjang 150 meter di sepanjang jalan berkenaan.

Sehubungan itu, pengurusan trafik akan dilaksanakan untuk memastikan gangguan paling minimum dialami oleh pengguna jalan tersebut. Untuk maklumat lanjut dan maklum balas boleh menghubungi 1800 82 6868 atau melayari [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my).